



## Si Mangkuk Tingkat

*Faziela*

[Download now](#)

[Read Online ➔](#)

# Si Mangkuk Tingkat

*Faziela*

## Si Mangkuk Tingkat Faziela

*Seandai dirinya tercipta untukku, rela kumenjadi miliknya.*

Impiannya satu dalam seribu.

*“Nampak tak apa yang aku nampak, ni?”*

*Huh?*

*“Budak perempuan tu.”*

*“Yang tadi? Jadi?”*

*“Dia pakai baju kurung la.”*

*Eh, haah la!*

*“Benda yang aku cakap tadi bukan mustahil kan?”*

*Senyap.*

*“Kau nampak benda yang dia bawa tadi?”*

*Geleng.*

*“Mangkuk tingkat.”*

Sejak dari itu, hatinya sudah terpaut pada Si Mangkuk Tingkat. Namun, pertemuan kedua mereka tak seindah yang diimpikan.

*Sreeeeeet!*

*Malaun mana nak mati melintas jalan macam rombongan orang kahwin ni???*

*“Cik adik manis, tak tahu lintas jalan ke?”*

*“Encik ni tak tahu bawa kereta ke? Ni dapat lesen terbang ke?” Suaranya memetir.*

*“Cik, lain kali kalau nak melintas, buat cara melintas. Bukan macam rombongan kahwin Cik Kiah.”*

Takdir menemukan mereka atas jodoh keluarga. Apabila hati mula menerima, ada saja yang cemburu dan dengki menyelit di tengah kehidupan mereka.

*Andai takdir Allah tertulis jodohmu itu dia, datanglah seribu orang sekalipun merebutnya, dia akan tetap menjadi milikmu.*

+++

**FAZIELA** senang bercerita tentang kisah si juruterbang ini. Maklumlah, inilah impiannya dahulu. Pelajar tahun akhir jurusan Sains Gunaan ini menulis dengan bahasa yang santai dan membuat kita senyum, menangis dan ketawa hingga ke akhirnya.

## Si Mangkuk Tingkat Details

Date : Published February 2012 by Jemari Seni Sdn Bhad

ISBN :

Author : Faziela

Format : 471 pages

Genre :

 [Download Si Mangkuk Tingkat ...pdf](#)

 [Read Online Si Mangkuk Tingkat ...pdf](#)

---

**Download and Read Free Online Si Mangkuk Tingkat Faziela**

## From Reader Review Si Mangkuk Tingkat for online ebook

### Azizah says

Kerajinan berkadar langsung dengan keterujaan untuk mengkhatamkan karya ini. Tahniah buat penulis muda ini yang pasti akan terus menghasilkan karya-karya yang lebih pada masa depan jika terus diasuh dan digilap bakatnya.

Sungguh tenang dan enjoy menyelami rencah kehidupan Edrina dan Ahsraff selain bersama Ashraff menerokai bidang aviation yang semakin mendapat tempat di hati orang ramai.

Ohhhh...rasa macam nak pergi lepak di airport sebab nak cuci mata dengan aviator yang segak-segak tu....:)

---

### Aina Shukri says

I've lost count on how many times I've been re-reading this. It's like what? The nth time?! Seriously recommended!

Aku tertarik dgn cerita ni sbb aku dgn penulis pernah punya impian yang sama suatu ketika dulu. Sama sama nak jadi pilot tapi tak cukup tinggi. ;P

Kisah Ashraff yg jatuh hati dgn seorang perempuan bernama Edryonna yg dia jumpa masa first day dia duty. Perempuan berbaju kurung yg dilanggar tu bawa mangkuk tingkat kat airport?! How unique is that?

Jodoh menemukan mereka. Now the real story has begin. Dekat sini memang banyak scene yg bakal buat readers sengih-senyum-tak-sedar-diri. Tak ada scene yg sweet-overdose-sampai-sakit-gigi pun cuma watak Ashraff yg kaki mengusik tu memang boleh buat kita senyum ja.

Kalau dah namanya novel, takda konflik tu kira pelik la kan? Cumanya, konflik yg ditekankan penulis tak terlalu berat sampai kita rasa nak hentuk kepala kat meja. Just so nice.

And oh, ending triplets tu memang berjaya buat aku sengih. :D This kind of book will surely let you feel how Post Book Depression would feels like.

Overall, 5/5\*. Cannot resist!

---

### fizzrosie\_ says

haih finally berjaya abiskan ..kisah kahwin aturan keluarga but sorry to say .  
very slow la perjalanan rumahtangga antara Ashraff dan Edryna ..nothing happens , balik2 ulang2 fly sana fly sini adeiii , tetibe dah last baru nk masukkan watak jahat Acap tu ish macam tak kena betul

---

## **Mak Long says**

Suka baca buku ni sebab Asraff tu pilot. Tak tahu apa signifikannya, tapi, itulah perasaan ku... boleh?  
Hahahahaha....

---

## **Zehan Ilyana says**

ini cerita cliche...aku beli sebab org tu suggest..diorang kata ini cerita santai.. ini cerita gelak-gelak..tapi, boleh ku kira berapa kali aku gelak.

mula2 ceritanya mendatar..kahwin atas pilihan org tua. dan blablabla..

tapi ada yang menarik minat aku..

aku suka cerita tentang ashraff si pilot, hero cerita ini. aku suka membaca fakta mengenai pilot. tiba2 aku berangan nak jadi pilot.

aku suka adryna si heroin, sebab dia menjaga alam sekitar. sebab dia pencinta haiwan.

bagi aku cerita ini okay. untuk bacaan santai. bacaan yang tidak memberatkan kepala. aku suka cerita ini tapi, aku hanya mampu beri 2 bintang..

aku suka cerita ini, sebab ini kisah kehidupan harian. kisah kesibukan jadual manusia.  
tapi, cerita ini sangat cliche. sekian.

dan tipu....orang tu kata cerita ini cerita humor, tapi, aku tak ketawa sangat pun.. aku bajet baca cerita ini boleh buat aku ketawa dari mula sampai habis. \*ok ini melampau\* haha.

---

## **Juliza says**

Simple dan sedikit tipikal tetapi masih akan membuat kita tersenyum-senyum :-). Itulah yang hamba rasakan tentang Si Mangkuk Tingkat secara keseluruhannya.

Manisnya dan comelnya kisah mereka – kisah Ashraff dan Edryna yang dijodohkan oleh ibu bapa. Walaupun plotnya agak klise tetapi penulis berjaya menjadikan kisah ini tetap enak untuk dinikmati. Paling tidak kita akan tersengih-sengih sendiri ketika membacanya (^-^).

Siapalah yang tak sengih bila Ashraff bawa Edryna tengok *sunrise* dengan kapal terbang. Bila Ashraff kejar Edryna ke Kota Bahru sebab tak sempat bagi kata-kata semangat. Bila Ashraff sanggup nak berhenti kerja untuk jaga Edryna. Cair jugalah (sedikit :-P) hati ini dibuatnya. Hehe.

Sesuatu lagi yang hamba suka tentang Si Mangkuk Tingkat ialah betapa kelihatan *effortless*-nya tulisan Faziela. Sepertinya dia tidak *trying too hard* untuk menulis dan itu bagus. Dia menulis sesuatu yang dia tahu, biasa dan dengan gaya bahasa yang mudah. Tidak perlu berlebih-lebih dan tidak perlu meleret-leret.

Namun, hamba sejurnya mengharap sesuatu dari plot novel ini. Sesuatu yang membezakannya dari novel-novel lain. Sesuatu yang boleh dan akan membuat hamba mempunyai ingatan khusus untuk Si Mangkuk Tingkat. Mungkin lain kali ya, penulis? ;-)

Selain itu, poin paling penting, hamba rasa Amsyar sangat sweet! (hamba tak nak puji Ashraff sebab hamba

---

rasa dia terlebih manis - hehe)

---

### **Cik Aini says**

Naskhah santai yang dipinjam dari Ct Zuraimah ini tidak mengecewakan aku walaupun plotnya masih agak klise - kahwin paksa. Saya suka dengan olahan penulis tentang pekerjaan juruterbang, begitu juga environmental matters yang dipaparkan. Banyak menambah ilmu baru.

Si Ashraff dan Edryna, barangkali itulah dikatakan jodoh, sentiasa bertemu, dan akhirnya disatukan di dalam sebuah hubungan yang halal. Mereka sendiri pun pernah berjumpa sebelum disatukan, maka bagi saya tidaklah tipikal seperti kisah lain di situ. Ashraff pula barangkali ibarat gadis idaman berada di hadapan mata, terus bersetuju. Edryna pula tidaklah suka mahupun benci kepada Ashraff.

Bahasa yang digunakan santai, penceritaan yang tidak berat ini, mampu membuatkan saya terus membacanya.

Yang saya rasa kurang dari plotnya ialah kisah Edryna berdendam itu, barangkali agak melampau sehingga dilayangkan sebuah kasut terkena muka si lelaki yang merendahkannya. Bagi saya, seorang lelaki dimaki pun barangkali sudah menimbulkan dendam. Kemudian, kisah akhirnya, entahlah, barangkali tiada klimaks yang mampu membuatkan saya teruja di penghujung cerita.

Membaca cerita ini seperti menonton filem Hindustan yang semuanya bahagia, dan klimaks hanya pada penghujung cerita. Itupun tidak menggetarkan saya.

Rating keseluruhan barangkali 3.5 kerana saya suka gaya penulis :)

---

### **Suraya (thesuraya) says**

reread @ 11/2/2016

I forgot how much i love this book

---

### **Cik Pah says**

Jalan cerita yang simple dgn bahasa yang santai. Yang ilmiahnya citer pasal pilot. Yang Cik Pah suka binatang-berbulu-terlebih-berat @ bebola berbulu bergerak yang Ashraff jeles sgt2 dapat perhatian lebih dari isterinya Edryna

---

### **??? says**

eBook PNM,

Bacaan santai di PNM e-Reader.

Borrow from Perpustakaan Negara Malaysia Digital Library

Penerangan santai tentang pekerjaan / tugas.

Dialog/nukilan yang menarik...

Pilot Responsibilities

“Orang banyak bercakap yang kerja macam aku ni, fun. Boleh explore banyak tempat dalam dunia, tak payah keluar duit. Lepas tu skandal keliling pinggang. Tukar perempuan macam tukar baju. Enjoy memanjang. Yup, it’s true yang hidup orang yang macam aku ni fun. Tapi, tanggungjawab akusangat besar. Dengan nyawa hundreds of people in my hand, sebetulnya aku cuak. Memang aku bukan Tuhan yang nak tetapkan hidup mati orang, bukan Izrail tukang cabut nyawa orang, tapi aku ni macam perantara. Up there, you can’t trust anyone except the pilots. I control everything and if something happened, aku yang kena bertanggungjawab. If they die, they die in my hand. When the plane landed safely, aku rasa relief. Rasa semua beban dekat bahu terlepas.”

And one more thing, bukan semua juruterbang yang tiap-tiap malam tukar perempuan macam tukar baju. I’m not one of them and I’m not like that. Aku dah cukup penat dengan tanggungjawab aku dan aku nak habiskan masa senggang aku dengan benda-benda yang takkan serabutkan otak sebab aku tahu kalau aku buat perangai macam tu, end up benda tu akan serabutkan masa senggang aku. Plus, kalau aku menyorok macam mana sekalipun, Allah itu sentiasa melihat dan yang di kiri dan kanan ni tak pernah gagal mencatat.”

?

It takes a thousand sweet efforts to built a great relationship.

Yet one stupid error can destroy everything that you have started.

A relationship doesn’t have any promises, terms and conditions.

It just needs two wonderful people:

One who can trust and one who can understand.

?Accident

Edryna masih tunduk. Sesungguhnya dia mahu lari daripada situasi ini. Dia kemudiannya memandang kaki yang berbalut. “I can’t walk.”

“You can. Kan doktor cakap benda ni temporary.”

“Tapi bila? Bulan depan? Tahun depan? Sepuluh tahun akan datang? Itu semua tak pasti.”

“Kuatkan semangat. Jangan cepat mengalah. Allah tengah menguji Ard, tengah menguji kita. Jangan jadi umat yang cepat mengalah. Ard mesti kuat.”

Edryna menggeleng. Dia tak ada semangat untuk itu. Sesungguhnya, saat dirinya melayang di udara sebaik

dirempuh dua minggu lepas, sebahagian besar kekuatan dirinya turut hilang. Terbang menghilang entah ke mana. Di saat itu yang terlintas di fikirannya hanya mati.

Apabila dia tersedar kembali, dia terasakan bagaikan mimpi. Syukur alhamdulillah dilafazkan saat itu apabila dia diberi ‘peluang kedua’ untuk terus hidup. Untuk bertemu insan-insan yang disayangi.

Tapi, apabila dia tahu yang kakinya bermasalah, dia terasa macam dia patut mati saja saat itu. Tapi itu kata-kata orang yang tak ada pegangan.

Edryna melepaskan nafas. “Semangat dah hilang.” Tak tahu kenapa semangatnya terlalu lambat untuk datang kembali, mengambil masa yang sangat lama untuk recharge.

“Sebab tu abang ada dekat sini, untuk tolong tambahkan semangat. Ard ada famili, ada kawan-kawan yang sedia menolong.”

Edryna mengangkat wajah. Cuba memandang pada Ashraff yang sedang duduk di sebelahnya.

“You will be able to walk again, trust me.”

?Recovery

“See the leg la.” Edryna tergelak. Dia seharusnya berterima kasih pada keluarga yang banyak memberi sokongan padanya. Tak sangka, dalam masa tiga bulan dia boleh berjalan kembali. Fikir positif dan berusaha itu yang penting. Tak lupa, berdoa pada Allah.

Dan syukur, akhirnya dia kembali pulih. Tak dapat dibayangkan macam mana keadaan orang yang tak dapat berjalan sepanjang hayatnya. Kesian, kan?

---

### **Zuraimah Ismail says**

Cute....sweet....funny...selamba....cool....:)

Learn new things here:

1. The Pilot's world
2. The environmental checks --> respect la sapa yg works in this area...you really save the nature and world kan..

Ashraff, seorang pilot yang tiba-tiba terpikat dengan seorang gadis yang membawa bekalan dalam manguk tingkat. Sempat tahu nama je sebab si gadis tercicir boarding pass, lepas tu tak jumpa-jumpa dah...

Edryna, si gadis yg sayangkan environmet. Sanggup bawa bekalan dalam manguk tingkat. Pernah kene pukul sebab menolak cinta seorang lelaki. Kemudian terpaksa kahwin dengan Ashraff, yang kebetulan sama nama dengan lelaki yang die reject dulu..

Awal cerita quite membosankan tapi towards the end especially bila dashraff n edryna dah kawin, baru start best...:)

---

## **kuzzeen says**

*Naskah untuk dilepaskan; RM13.00. Pm je....*

Cover novel ni mmg catchy....cute sesangat!

Tapi, ntahlah..... something missing....

Senyum masa baca, tersengih2 dengan si Ard + Ashraff... tapi bila sampai ke helaian terakhir = dah x boleh recall apa yang dibaca. McM kurang 'jiwa'.

Yet, rasa mcm menelaah jurnal penerbangan + environmental handsout.....banyak informasi yang penulis cuba kongsi hingga ada kalanya menenggelamkan watak2 yang cuba diolahkan.

Anyway, one thing really disturbing me.... kenapa bila plot Amsyar + Sofiya, rasa mcm sama rasa dengan dunia Ard + Ashraff (cuma nama watak yang ditukar). Sama gaya bahasa, sama dialog. Something yang penulis perlu polish for her next product. Novel x sama mcm drama di tv. Penonton boleh rasa 'jiwa' yang berlainan pada watak yang berbeza sbb semua depan mata. Tapi untuk novel, penulis yang perlu membezakan 'dunia' watak2 ciptaannya.....

---

## **Hajar says**

Kisah Ashraff, si co-pilot yang dah tertarik hati dengan gadis yang dilanggarnya secara tak sengaja waktu keluar dari tandas pada hari pertama dia bekerja. Mana taknya, susah oh nak jumpa perempuan muda berbaju kurung di tengah airport. Siap bawa mangkuk tingkat lagi. Yang dia tahu gadis pujaannya bernama Edryna. Itu pun kebetulan diketahui namanya daripada 'boarding pass' yang tercicir masa 'kemalangan' tu.

Edryna pula seorang anti-lelaki disebabkan suatu peristiwa yang dialaminya waktu belajar dulu. Hanya si abang dan kawan baiknya, Sofiya saja yang tau trauma yang dihadapinya ni.

Kemudian, tak sangka pulak kedua-dua buah keluarga ni dah bercadang nak menjodohkan mereka berdua. Edryna memang dah tentulah menolak cadangan ni. Lagi pulak dia dah pernah bergaduh dua kali dengan Ashraf sebelum ni. Tapi Ashraff? Umpama orang mengantuk disorongkan bantal la. Hehe. Syarat Ashraff kalau nak menolak, Edryna kena beritahu sendiri penolakan tu dengan keluarga diorang. Ashraff tak mahu masuk campur. Yelah, pujaan hati dah dalam genggaman, takkan nak menolak kan?

Ashraff ni sangatlah penyabar. Walaupun Edryna tu dok acuh tak acuh je melayan dia sebagai suami, sabar je dia layan kerena Edryna tu sampailah hati Edryna sedikit demi sedikit lembut dengan layanan yang diterima daripada Ashraff. Paling kantoi bila satu family mengusik Edryna yang nampak angau bila Ashraff on duty masa hari raya. Haha.

Biasalah kan, bila tengah bergembira ada je yang dengki. Edryna ditimpa kemalangan angkara manusia dari

masa lalunya. Menyedari yang dia tak mampu berjalan dan bakal menyusahkan Ashraff, dia mintak Ashraff lepaskan dia untuk hidup sendiri. Adakah Ashraff bakal melepaskan Edryna? Macam mana pula dengan si pendengki dari masa lalu Edryna tu?

M/s: 123

"Mungkin takde sesiapa yang tahu apa yang saya buat dekat luar tu tapi saya tahu yang dekat bahu kanan dan kiri ni tak pernah gagal mencatat dan yang Di Atas tu tak pernah gagal melihat" - Ashraff

\*melting inside\* :)

Komen saya: Walaupun saya dah pernah baca keseluruhan kisah ni di blog dulu, saya tetap membeli buku ni sebagai koleksi peribadi sebab dah jatuh hati dengan enche' pilot ni. Haha. Tapi rasanya versi cetak ni lebih lengkap sebab ada juga bahagian yang agak tergantung di blog dulu. Tahniah Faziela! Lepas ni kalau nak sambung kisah Amsyar dan Sofiya pun bagus juga. Hehe. =)

---

### **Gobokairina says**

Aku suka cerita ini yang simple and sweet. Aku suka bahasa santai yang digunakan yang memudahkan aku membacanya dalam masa satu malam. Aku suka cerita yang walaupun agak cliché tetapi tiada konflik yang berjela-jela dan meleret. Aku suka bila aku tak perlu mengetap bibir kerana geram dan sakit hati. Wah! Banyaknya 'suka' kih5 :P Senang cerita aku suka dengan Faziela and definitely she is one of my new favourite authors.

Tak dapat dinafikan tajuk novelnya yang agak catchy berjaya menarik perhatian aku untuk mencapainya di rak. Dan saat mula membacanya, aku setia mengulitnya hingga ke dinihari hanya kerana sayang mahu meninggalkan ceritanya sekerat jalan. Lebih elok tidur bermimpikan cerita yang indah-indah dari tertanya-tanya pengakhiran kisah Edryna dan Ashraff \*wink\*

Edryna akan dijodohkan dengan Ashraff hanya kerana bapanya risaukan anak gadisnya yang masih tidak berkahwin. Apa lagi setelah abang Edryna bakal menamatkan zaman bujangnya. Bapa mereka kemudiannya menetapkan yang Edryna sekurang-kurangnya perlu bertunang di hari perkahwinan abangnya.

Ashraf akur dengan kehendak keluarga sementelah mengetahui yang Edryna adalah gadis yang ditemuinya berbaju kurung dan membawa mangkut tingkat di tengah-tengah hiruk-pikuk airport KLIA. Mana lagi nak mencari gadis zaman ini yang masih mahu berbuat sedemikian kan? Cuma sayangnya pertemuan mereka tak seindah yang diharapkan. Mereka berdua saling bercakaran dan menjunjung ego setinggi gunung.

Namun kerana permintaan keluarga masing-masing, mereka tetap dikahwinkan. Ya, aku tahu cerita yang memang cliché, kan aku dah bilang awal-awal tadi? :P Tetapi apa yang aku suka adalah cara penulis mengolahnya. Edryna misalnya bukanlah benci sangat dengan Ashraff tu, cuma perasaan menyampahnya mungkin sudah menutup pintu rasanya yang lain. Jadi aku suka cara Ashraff yang melayan karenah panas baran Edryna dengan penuh sabar termasuk insiden-insiden yang berlaku yang merapatkan hubungan renggang mereka. Dan pastinya kata-kata Ashraff yang sememangnya sweet talker itu bukan saja bisa mencarikan hati Edryna malah hatiku juga... eceh!

Berjayakah Ashraff melembutkan hati isteri yang dipujanya? Apakah Edryna berjaya memadamkan

‘bayangan silam’ tentang lelaki yang didendamnya itu? Hanya SMT ada jawapannya.

---

## Wan Amalyn says

Apa yang membuatkan saya suka tentang buku ini adalah kerana ceritanya yang *simple and yet so sweet*. Dengan bahasa yang santai dan mudah dihadam membuatkan saya dapat menghabiskan buku ini dalam masa tak sampai satu hari. Ini bacaan santai yang tidak memerlukan saya mengusung rasa debar. Ya, saya membaca hanya untuk menikmati rasa aman.

**Si Mangkuk Tingkat** kisah tentang Nur Edryna Mohd Shah si pencinta alam sekitar yang masih belum berteman sedangkan usianya makin meningkat. Apabila si abang yang sering menjadi pelindungnya bakal menamatkan zaman bujang, bapa mereka yang menetapkan bahawa Edryna harus bertunang di hari perkahwinan abangnya membuatkan Edryna kalut. Sementelah pula si ayah sudahpun punya calon menantu. Tambah parah abahnya telahpun bersetuju dengan risikan daripada pihak lelaki.

Kisah tentang Muhammad Ashraff Mohd. Ariffin yang jatuh cinta pada si dia yang berbaju kurung dan membawa mangkuk tingkat di tengah-tengah keriuhan *airport* KLIA. Namun pertemuan kedua mereka tidak seindah yang diimpikan. Ketika seorang demi seorang sahabatnya menamatkan zaman bujang, si ibu juga mula kalut mencarikan pasangan untuknya. Dan calonnya adalah anak kenalan ayahnya.

Takdir menemukan mereka atas jodoh keluarga. Ashraff akur sedangkan Edryna tidak suka. Dia ada sebab kenapa dia tidak boleh terima Ashraff. Dia punya sejarah hitam dengan lelaki. Padanya semua lelaki (kecuali abang dan ayahnya) adalah manusia yang tidak boleh dipercayai!

Berjayah Ashraff menghapuskan bayangan ‘lelaki jahat’ yang dilabelkan oleh Edryna? Bahagiakah mereka bila di hati masih ada rasa lain selain rasa cinta? Mampukah Ashraff menawan hati Edryna yang terkenal dengan barannya bila berhadapan dengan lelaki yang namanya seakan nama lelaki yang dia dendam itu?

Mungkin ada yang beranggapan yang **Si Mangkuk Tingkat** ini sebuah lagi naskhah yang mengangkat isu ‘kahwin paksa’ di mana akhirnya pasangan tersebut jatuh cinta dan hidup bahagia. YA, tidak dinafikan itulah antara apa yang berlaku. TAPI yang membuatkan saya sukakan karya ini, bagaimana penulis mengolah cerita *klise* sebegitu menjadi menarik pada pembacaan sayalah.

Pada saya ini bukanlah kisah si hero dan heroin yang di’paksa’ kahwin oleh ahli keluarga mereka. Mereka diberi peluang bertemu sebelum ikatan dimeterai. Mereka diberi sepenuh kebebasan untuk membuat keputusan. Apa yang mengikat saya untuk baca dan terus baca naskhah ini adalah insiden-insiden yang berlaku di antara mereka. Bagaimana Ashraff menangani karenah Edryna yang ‘macam-macam’. Sebagaimana *sweet talk* dan tindak tanduk Ashraff bisa mencairkan hati Edryna yang beku, hati saya cair sama... ahaks!

Saya sukakan ‘Ashraff’. Dia tahu apa yang dia inginkan dalam hidupnya. Dia bijak mengawal situasi, dia bijak menangani setiap masalah yang berlaku dalam hubungannya dengan isterinya.

Watak Edryna, di luar rumah dia dilihat sebagai wanita yang tegas dan berkeyakinan tinggi. Di rumah dia seorang anak & adik yang manja. Dan dia neutral dengan suaminya, dia tidak membenci tapi dia masih belum cinta pada suaminya di awal-awal cerita. Tapi dengan kebijaksanaan Ashraff mengambil peluang membuatkan kisah ini menjadi menarik.

Dan saya menoktahkan bacaan ini dengan senyuman yang penuh di pipi. Sayang nak padamkan rasa yang berbunga di hati ini walaupun ceritanya dah habis dibaca... :)

---